

KERTAS KONSEP PROJEK KOHILAL MART 2019

(sedutan sebahagian kertas konsep untuk makluman ahli)

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Mesyuarat Agong Perwakilan Kohilal kali ke 29 pada 6 Julai 2019 memutuskan agar kohilal meneroka pemasaran baru barang kohilal melalui rangkaian kedai-kedai runcit atau pasar raya dinamakan Kohilal Mart.
- 1.2 Jawatankuasa Kohilal Mart ditubuhkan dalam ALK Kohilal sesi 2019 dengan 4 orang jawatankuasa untuk merancang, memikir, mengoperasi dan memantau gagasan ini.
- 1.3 Kertas ini dibentang dalam mesyuarat JK Kohilal Bil 2/ 2019 pada 3 hb Ogos 2019 setelah dimurnikan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kohilal Mart pada 2hb Ogos 2019

2. OBJEKTIF PENUBUHAN KOHILAL MART

- 2.1 Menyedia tempat pemasaran baru bagi produk kolilal di seluruh kedai runcit, pasar mini atau supermarket yang diwujudkan di kawasan parlimen atau DUN oleh para stokis kohilal
- 2.2 Memberi peluang baru kepada para stokis kohilal melebarkan operasi perniagaannya dengan memiliki kedai berjenama Kohilal
- 2.3 Menyedia rangkaian pemasaran kepada Pusat Stokis sedia ada agar transaksi jualan semakin meluas
- 2.4 Menyedia alternatif baru bagi Kohilal merealisasikan hasratnya sebagai ‘Penggerak Ekonomi Ummah’.
- 2.5 Menyedia prasarana yang menyokong usaha pemasaran produk muslim dibawah pematrian perjanjian Kohilal-Abata-Ummah

3. KERANGKA KONSEP KOHILAL MART

- 3.1 Kohilal Mart adalah jenama baru bagi Jutekoh. Perubahan nama tersebut membawa implikasi kepada fungsinya dimana kohilal boleh memasarkan produk lain selain produk sendiri.
- 3.2 Nama Kohilal Mart akan dipaternkan sebagai hak milik kohilal. Para stokis yang berminat membuka kedai Kohilal Mart akan diberi surat kebenaran menggunakan jenama tersebut semasa mendaftarkan kedai mereka kepada pendaftar syarikat.
- 3.3 Kohilal Mart boleh dibuka mengikut kawasan parlimen atau DUN di seluruh negara secara usahasama dengan stokis kohilal yang dinamakan sebagai pengusaha.
- 3.4 Produk Kohilal hendaklah menjadi **barang utama** yang dijual di Kohilal Mart cawangan. Produk lain yang tiada sejenis dengan produk kohilal bolehlah turut dipasarkan.
- 3.5 Setiap cawangan hendaklah didaftarkan secara sah kepada Pendaftar Syarikat untuk memperolehi sijil perniagaan. Sijil perniagaan akan memaparkan nama Kohilal Mart dengan tempat operasi perniagaan. Contohnya, Kohilal Mart Bandar Baru Bangi.
- 3.6 Tiga jenis Kohilal Mart akan disediakan berdasarkan fungsi dan kapasiti modal yang disediakan iaitu Kohilal Mart Runcit dengan modal RM100,000, Kohilal Mart Mini Market dengan modal RM300,000 dan Kohilal Mart Supermarket dengan modal RM1,000,000. Jenis Kohilal Mart tidak perlu dizahirkan dalam pendaftaran cawangan.
- 3.7 Setiap setokis yang berminat menjadi pengusaha Kohilal Mart perlu mengemukakan kertas permohonan yang mantap mengikut garis panduan diberi untuk pertimbangan kelulusan Kohilal melalui mesyuarat ALK.
- 3.8 Satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara pengusaha dengan pihak Kohilal sebelum sesuatu cawangan Kohilal Mart boleh beroperasi. Semua syarat-syarat atau tanggungjawab kedua-dua belah pihak hendaklah dipersetujui bersama dan dimatrikikan di dalam perjanjian secara jelas.

- 3.9 Penggunaan system POS hendaklah menjadi salah suatu kandungan didalam perjanjian usahasama antara kohilal Mart dengan pengusaha dimana Kohilal boleh memantau perkembangan perniagaan dari masa ke semasa.
- 3.10 Pengusaha hendaklah memastikan semua barang yang dijual di Kolilal Mart adalah berstatus halal dan mengutamakan produk IKS sebagai menyahut kempen penggunaan produk Muslim tempatan terutamanya produk koperasi.
- 3.11 Kohilal Mart cawangan hendaklah juga berfungsi sebagai agen penghantaran produk Muslim khususnya produk kohilal yang dilanggar melalui Apps Abata dari kawasan sekitar dibawah persefahaman antara **Kohilal-Abata-Ummah**.

4. PENUTUP

Pembentangan kertas konsep ini disedia bagi memberi maklumat awal kepada lembaga Kohilal tentang lakaran operasi penubuhan Kohilal Mart. Ia juga membuka medan perbincangan di peringkat lembaga bagi memberi nilai tambah dan seterusnya memberi kelulusan pelaksanaan Kohilal Mart.

Disedia oleh

Dr. Hj. Othman Sodikin

Pengerusi Jawatankuasa Kohilal Mart 2019

3hb Ogos 2019